

Pas akan dikenakan tindakan

Oleh Amlnuddin Ibrahim
dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

12 DEC 1991

ALOR STAR, Rabu — Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Pas kerana menganjurkan perhimpunan Jihadul Akbar (perhimpunan besar) di Kampung Memali tanpa kebenaran polis mulai 28 hingga 28 November lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau sudah menerima laporan polis yang menyatakan perhimpunan itu tidak mempunyai kebenaran polis.

"Kalau perbuatan mereka menyalahi undang-undang, saya tidak nampak kenapa mereka tidak harus diambil tindakan," katanya kepada pemberita setelah tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas dekat sini, petang ini.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini untuk menghadiri jamuan Projek Usahawan Siswa dan Masyarakat Pekan Rabu (Prisma 1991) di Stadium Datuk Syed Omar, malam ini.

Ketibaan beliau disambut oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff dan beberapa Ahli Exco Kerajaan Negeri.

Ditanya bentuk tindakan yang akan diambil terhadap parti itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Ia terpujanglah kepada polis."

Perdana Menteri juga berkata, beliau kesal dengan pemimpin Pas yang kononnya mereka berjuang berasaskan agama, bagaimanapun tindakan mereka amat jauh da-

ri pada apa yang dikehendaki Islam.

Beliau juga mengecam Pas kerana parti itu tidak menyedari pengorbanan anggota polis yang menjaga keamanan negara dan agama, termasuk untuk mereka sendiri (Pas).

"Seperti yang kita tahu, ramai anggota keselamatan di negara ini mati kerana mempertahankan negara daripada ancaman komunis. Malah, jika tidak kerana polis, mungkin negara ini akan menjadi negara komunis... tidak ada demokrasi dan tidak ada Pas," katanya.

Beliau menegaskan: "Polis negara ini tidak pernah menggunakan senjata apabila berlaku tunjuk perasaan, kecuali menggunakan gas pedih mata atau rotan untuk menjaga keselamatan."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ahli Pas sudah lupa empat anggota polis turut terbunuh dalam kejadian Memali. Polis terpaksa melepaskan tembakan kerana mereka diserang dan kematian tidak akan berlaku jika Pas tidak memulakan serangan.

Perdana Menteri juga menegaskan, yang memulakan tembakan terhadap polis adalah orang Pas, sehingga menyebabkan empat anggota polis terkorban.

"Kita pun ada tengok daiam gambar bagaimana polis cuba merayu kepada Pas, tetapi mereka terus mengancam sehingga berlaku pertempuran," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir

membidas Pas kerana menganggap pengikutnya yang terkorban daiam kejadian itu sebagai syahid. Sedangkan polis yang terkorban kerana menjaga keamanan dan mempertahankan negara daripada sebarang ancaman, tidak dianggap syahid.

"Tidak ada antara mereka (ahli Pas) yang membaca tahlil untuk anggota polis yang terkorban dalam peristiwa itu, sebaliknya mereka mempertikaikan kematian orang mereka saja," katanya.

Perdana Menteri juga menaaskan. Pas hanya menganggap kejadian seperti itu sebagai takdir, termasuk juga kejadian kebakaran yang meragut nyawa 27 pelajar perempuan di Sekolah Agama Padang Lumat dekat sini, tidak lama dulu.

"Mereka hanya tahu mengutip yuran tetapi tidak tahu menjaga dan menyediakan tempat lebih selesa untuk pelajar berkenaan. Bila terkorban, mereka kata itu sebagai takdir, semua yang mati adalah takdir," katanya.

Mengenai kenyataan Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa, bahawa Pas akan membayar ganti rugi kerana menyebarkan fitnah terhadap Umno. Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Dia buat salah, dia patut bayar."

Ditanya sama ada Umno sudah menerima surat mengenai pengakuan Pas itu, beliau berkata: "Tanyalah kepada Senator Haji Annuar sendiri."